

PELAKSANAAN 30 HARI WISMA PUTRA DALAM MELESTARIKAN VISI "KELUARGA MALAYSIA, KELUARGA DUNIA"

Dalam menjayakan misi 'Kabinet berorientasikan hasil' dalam tempoh 100 hari pertama seperti yang diumumkan oleh YAB Perdana Menteri Dato' Sri Ismail Sabri Yaakob, beberapa inisiatif telah dilaksanakan dalam tempoh 30 hari pertama saya berkhidmat di Kementerian Luar Negeri (Wisma Putra), antaranya;

- Menyiapkan draf Kerangka Dasar Luar yang memberi tumpuan kepada isuisu serta cabaran semasa di peringkat antarabangsa. Kerangka ini akan dimuktamadkan dan seterusnya dibentangkan di dalam Mesyuarat Jemaah Menteri dan Jawatankuasa Pilihan Khas bagi Hal Ehwal Antarabangsa Parlimen dalam masa terdekat.
- Mengukuhkan hubungan bilateral serta multilateral melalui perbincangan bersama Setiausaha Negara Amerika Syarikat, Menteri-Menteri Luar Australia, Brunei, China, Indonesia, Qatar, Singapura, Thailand, Turki, Setiausaha Agung Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC), serta perjumpaan bersama semua duta negara-negara ASEAN, Arab Saudi, Emiriah Arab Bersatu (UAE), Pakistan, dan semua negara anggota tetap Majlis Keselamatan PBB.
- Menterjemahkan visi YAB Perdana Menteri Malaysia dalam ucapan Malaysia pada Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) ke-76 pada 25 September 2021 yang bertema 'Keluarga Dunia' dalam menyeru masyarakat antarabangsa untuk merapatkan jurang antara negara serta bekerjasama dengan lebih erat dalam fasa pasca pandemik COVID-19.
- Mengukuhkan kerjasama antarabangsa dalam Diplomasi Kesihatan bagi memerangi pandemik COVID-19. Ini dibuktikan daripada sumbangan peralatan perubatan oleh Malaysia kepada Indonesia serta satu juta lagi sumbangan dos vaksin Sinovac dari China yang bakal diterima tidak lama lagi. Malaysia turut menghargai sumbangan vaksin dari negara-negara lain yang telah diberikan sebelum ini.
- Meningkatkan konsultasi mengenai dasar luar Malaysia dengan menubuhkan Majlis Perundingan Dasar Luar Negeri yang dianggotai oleh 17 ahli dari pelbagai latar belakang termasuk wakil dari kerajaan, ahli korporat serta pemimpin masyarakat. Majlis ini telah bersidang sebanyak dua kali. Wisma Putra juga telah mendapat kelulusan Jawatankuasa Dewan bagi menubuhkan Jawatankuasa Pilihan Khas bagi Hal Ehwal Antarabangsa di Parlimen.
- Mengutamakan kebajikan rakyat Afghanistan di dalam krisis Afghanistan. Lantaran itu saya telah melantik seorang Penasihat Khas berkaitan Hal Ehwal Afghanistan untuk memastikan Malaysia terus memberikan perhatian kepada bantuan kemanusiaan kepada rakyat di Negara tersebut. Bagi menggerakkan misi kemanusiaan di Afghanistan, Malaysia bakal menyumbang sejumlah USD100,000 melalui PBB. Ini membuktikan komitmen Malaysia dalam memastikan keamanan dan kestabilan di Asia Barat, khususnya Afghanistan. Saya juga telah merasmikan Persidangan Kuala Lumpur mengenai Afghanistan pada 26 September 2021 yang membincangkan mengenai situasi semasa, misi kemanusiaan serta hala tuju pendamaian di negara tersebut.

Dalam menyahut seruan YAB Perdana Menteri, Wisma Putra akan terus memperkasakan hubungan diplomasi serta bekerjasama bersama komuniti antarabangsa bagi memperjuangkan diplomasi kesihatan, kesaksamaan dalam pemerolehan vaksin serta merencanakan semula ekonomi pasca pandemik. Kami di Wisma Putra juga akan meneruskan pelaksanaan pelbagai inisiatif termasuk pencalonan Malaysia ke Majlis Hak Asasi Manusia PBB bagi tempoh 2022-2024.

DATO' SAIFUDDIN ABDULLAH

4 OKTOBER 2021